

INTERBIU

MAINPP semarakkan syiar Islam Pulau Pinang

Perkukuh peranan entiti pentadbiran, zakat dan wakaf



MOHAMAD

Dalam konteks pembangunan Islam di Pulau Pinang, peranan yang dimainkan oleh pentadbiran agama Islam di bawah Exco Pembangunan Agama Islam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menjadi sangat penting.

Sebagai badan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pembangunan Islam negeri, MAINPP menggalas tanggungjawab besar untuk memastikan kelangsungan kemajuan Islam terus diperkukuhkan bagi manfaat umat di Pulau Pinang. Bagaimanapun, seiring dengan perubahan



SINAR HARIAN: Di bawah MAINPP, terdapat tiga jabatan utama bersama tiga lagi agensi dalam menjalankan pentadbiran agama Islam di Pulau Pinang. Bagaimana keenam-enam entiti itu memainkan peranan dalam mengukuhkan lagi perkembangan pembangunan Islam di Pulau Pinang?

MOHAMAD: MAINPP menaungi tiga jabatan utama iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSN) dan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang di samping agensi-agensinya di bawah MAINPP iaitu, Zakat Pulau Pinang (ZPP), Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Negeri Pulau Pinang (KITAB) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Sebagai contoh, di JHEAIPP terdapat beberapa bahagian antaranya adalah Bahagian Dakwah, Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam, Bahagian Pengurusan Halal, Bahagian Pendidikan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau dan Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan.

Dalam konteks zakat, pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan disalurkan kepada asnaf melalui instrumen zakat. Penubuhan ZPP pada peringkat awal hanyalah sekadar berperanan bagi kutipan zakat.

Selain itu, MAINPP

turut memberi perhatian terhadap pembangunan pendidikan tinggi Islam. Hal ini dapat dibuktikan dengan penubuhan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang. KITAB merupakan kesinambungan daripada sebuah Maahad Tahfiz yang dikenali dengan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Negeri Pulau Pinang (MTQPP) yang beroperasi sejak tahun 1995.

Semua Program Pengajian Diploma di KITAB telah mendapat pengiktirafan daripada MQA dan KPT setaraf dengan institusi pengajian tinggi lain.

Malah, graduan KITAB berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara. Malah, kebolehpasaran lepasan pelajar KITAB adalah sebanyak 86.8 peratus pada tahun 2022.

Institusi zakat memainkan peranan besar dan menjadi penggerak kepada kemajuan Islam di negeri ini. Bagaimana Datuk melihat prestasi kutipan zakat di Pulau Pinang dan bagaimana pula dengan agihannya?

Alhamdulillah, prestasi kutipan zakat secara keseluruhan pada tahun 2023 telah meningkat sebanyak 6.37 peratus.

Jumlah kutipan zakat secara keseluruhannya telah merekodkan peningkatan 6.37 peratus iaitu

sebanyak RM159.7 juta pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 sebanyak RM150.13 juta.

Kutipan zakat harta telah menyumbang sebanyak RM152.86 juta dengan statistik jumlah muzakki sebanyak 75,298 orang direkodkan. Sementara prestasi kutipan zakat fitrah 1444H/2023M melonjak tinggi berdasarkan statistik pembayar dengan merekodkan peningkatan sebanyak 20,715 orang pembayar berbanding tahun 1443H/2022M.

Prestasi ini telah merekodkan jumlah kutipan zakat fitrah adalah sebanyak RM6.84 juta iaitu meningkat sebanyak 4.01 peratus.

Pada tahun 2023, dana agihan zakat yang disalurkan kepada penerima zakat (mustahik) adalah berjumlah RM173.39 juta. Statistik ini juga menunjukkan bahawa berlaku peningkatan sebanyak 11.7 peratus berbanding pada tahun 2022.

Jumlah mustahik yang direkodkan adalah sebanyak 43,637 orang dan institusi dengan peratusan agihan zakat sebanyak 44.09 peratus kepada asnaf fakir dan miskin.

Bagaimana pula peranan institusi wakaf. Boleh Datuk jelaskan perkembangan terkini projek-projek wakaf yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan sosioekonomi umat Islam di Pulau Pinang?

Penubuhan Wakaf Pulau Pinang (WPP) yang

mula beroperasi pada 1 April 2018 bertanggungjawab untuk mengumpul dan menambah Dana Wakaf Tunai MAINPP dan lain-lain bentuk wakaf selain berperanan membangun dan menguruskan harta wakaf sama ada harta alih atau harta tak alih dan harta yang diserahkan oleh MAINPP termasuk menjalankan pelaburan, penyelidikan dan penguatkuasaan ke atas tanah wakaf.

WPP juga melaksanakan polisi MAINPP berkaitan pengurusan wakaf dan hartanah dan mencadangkan polisi dan inovasi baru berkaitan pembangunan wakaf dan hartanah.

Antara projek pembangunan wakaf yang cukup popular di negeri ini ialah Wakaf Seetee Aisah 1 di Seberang Jaya.

Pembangunan tanah wakaf ini telah membantu dalam meningkatkan sosioekonomi ummah. Dari segi kependudukan umat Islam, pembangunan wakaf yang telah dilaksanakan antaranya ialah Pangsapuri Wakaf Siti & Hajah Norijah di Sungai Nibong, Pangsapuri Wakaf Mohamed Hashim di Seberang Jaya, Pangsapuri Wakaf An-Nur di Telok Air Tawar, Pangsapuri Wakaf Khan Mohamed di Georgetown dan Perumahan Teres 2 Tingkat di Kuala

"Saya ingin pastikan konsep adil dan ihsan dapat dimartabatkan dalam institusi Islam termasuk kesejahteraan sosial dan ekonomi Islam Pulau Pinang."



Mohamad menunjukkan angka prestasi kutipan serta agihan zakat ZPP yang memberangsangkan pada tahun 2023.